

Penubuhan sebuah gabungan disyorkan

Getah: Peluang baru B-putera

Oleh ZAINUDDIN AYIP

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap dapat diwujudkan satu kumpulan peniaga getah Bumiputera yang benar-benar pakar mengendalikan urusan dan eksport getah asli.

Untuk mencapai matlamat ini, beliau mengesyorkan penubuhan Gabungan Persekutuan Peniaga-peniaga Getah Bumiputera Malaysia.

"Saya harap gabungan ini dapat membimbing dan membantu peniaga-peniaga Bumiputera dalam aspek-aspek perurusan, pelaksanaan, permutuan dan selok-belok perniagaan di semua per-

ingkat," tegasnya. Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Seminar Peniaga-peniaga Getah Bumiputera Peringkat Nasional di Universiti Malaya di sini, hari ini. Seminar tiga hari itu dihadiri oleh 500 peniaga getah, Bumiputera dari seluruh negara.

Beliau mengingatkan peserta Seminar mereka boleh menubuhkan satu kumpulan peniaga yang benar-benar pakar dalam aspek perniagaan getah jika mendapat bimbingan dan galakan yang betul.

Sektor penting

"Penyertaan mereka amat penting bagi negara memandangkan Malaysia adalah pengeluar utama getah asli dunia," katanya lagi.

Perubahan getah, tambahnya merupakan sektor terpenting kepada negara memandangkan kira-kira 3.5 juta rakyat berkecimpung secara langsung atau tidak langsung dalam perusahan ini.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, setara dengan kedudukan negara sebagai pengeluar utama getah asli, Kerajaan berhasrat menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran getah setanding dengan lain-lain pasaran yang telah lama wujud seperti di London dan Tokyo.

"Usaha-usaha sedang ditingkatkan untuk mewujudkan Pasaran Barangan Kuala Lumpur, pertengahan tahun ini dengan kelapa sawit menjadi bahan pertama yang akan diurusniagakan," katanya lagi.

Beliau berkata, Kerajaan berhasrat pasaran getah dan timah akan diselarasakan dengan Pasaran Barangan itu sebaik saja kajian-kajian mengenainya siap.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menjelaskan, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera di peringkat pertengahan dan atas dalam industri getah asal.

Katanya, penyertaan Bumiputera di peringkat itu amat kurang kerana mereka kebanyakannya menumpukan kegiatan di peringkat daerah.

"Ini bermakna terdapat satu kekosongan luas yang belum dicubai oleh peniaga-peniaga getah Bumiputera di peringkat pertengahan dan tinggi," ujarnya lagi.

Beliau berkata, penyertaan Bumiputera hanya terhad kepada penyertaan agensi-agensi Kerajaan seperti MARDEC, RISDA dan FELDA saja.

Kerajaan memandang berat perkara ini dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan lagi penyertaan mereka di peringkat itu," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, masih luas dalam bidang bantuan barang-barang getah.

Katanya, peniaga-peniaga getah Bumiputera yang ingin menyertai bidang ini boleh menghubungi MIDA atau Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia